

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian telah mengkaji siling harga Kit Ujian Kendiri COVID-19 dan menetapkan harga pada sekitar RM15 ke bawah memandangkan harga ketika ini sangat mahal dan apakah tindakan Kementerian mengenai penjualan Pulse Oximeter palsu di pasaran.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dalam membuat penetapan harga kit ujian sendiri Covid-19, Kementerian telah mengadakan sesi libat urus dengan pemegang-pemegang taruh dalam industri kit ujian sendiri Covid-19 termasuk fasiliti farmasi dan klinik. Penelitian dari segi kos pengeluaran dan kos pengimportan telah dibuat dan di analisa.

Kementerian telah menetapkan harga maksimum kit ujian pantas antigen covid-19 (ujian sendiri) bagi borong RM16.00 seunit dan runcit RM19.90 seunit. Penetapan harga maksimum telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 5 September 2021 melalui P.U (A) 348 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2021.

Pelaksanaan pemeriksaan serta pemantauan ke atas penjualan kit ujian pantas antigen COVID-19 ini sedang dilaksanakan bermula 5 September 2021. Sehingga 6 September 2021, sebanyak 293 premis telah diperiksa membabitkan 32 premis borong dan 261 premis runcit dan daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 2 amaran dikeluarkan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Berkaitan penjualan Pulse Oximeter palsu di pasaran pula, tindakan di ambil di bawah Akta Cap Dagangan 2019 pada mana-mana peniaga yang didapati menjual atau menawarkan untuk jualan barang-barang yang suatu cap dagang berdaftar dipakaikan dengan salah dan apabila disabitkan boleh didenda seperti berikut:

- a) Individu: Denda tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap barang yang memakai cap dagang secara salah
- b) Syarikat: Denda tidak melebihi RM15,000.00 bagi setiap barang.

Sekian, terima kasih.